



## Penggunaan Aplikasi Temu Janji di Malaysia: Analisis Syariah, Etika Digital dan Implikasi Sosial terhadap Masyarakat Malaysia

### *The Use of Dating Applications in Malaysia: A Shariah, Digital Ethics, and Social Implications Analysis on Malaysian Society*

<sup>i</sup>Muhammad Syamil Faizi Fakhrorrazi, <sup>ik</sup>Ahmad Fathi Naim Najmi Imail,

<sup>i</sup>Muhammad Idham Rosli & <sup>i</sup>Muhammad Badrul Amin Mohd Ridzuan

<sup>i</sup>Faculty of Syariah and Law, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, 71800, Negeri Sembilan, Malaysia

\*(Corresponding author) e-mail: [fathinaim77@gmail.com](mailto:fathinaim77@gmail.com)

#### Article history:

Submission date: 12 Dec 2024

Received in revised form: 11 March 2025

Acceptance date: 23 April 2025

Available online: 1 August 2025

#### Keywords:

Dating apps, Maqasid Syariah, Ethics, Islamic Law

#### Funding:

This research received no specific grant from any funding agency in the public, commercial, or not-for-profit sectors.

#### Competing interest:

The author(s) have declared that no competing interests exist.

#### Cite as:

Fakhrorrazi, M. S. F., Najmi Ismail, A. F. N., Rosli, M. I., & Mohd Ridzuan, M. B. A. (2025). Penggunaan Aplikasi Temu Janji di Malaysia: Analisis Syariah, Etika Digital dan Implikasi Sosial terhadap Masyarakat Malaysia: The Use of Dating Applications in Malaysia: A Shariah, Digital Ethics, and Social Implications Analysis on Malaysian Society. *AL-MAQASID: The International Journal of Maqasid Studies and Advanced Islamic Research*, 6(1), 176–187. <https://doi.org/10.55265/al-maqasid.v6i1.377>



© The authors (2025). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY) license (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact [Intelligentia.resources@gmail.com](mailto:Intelligentia.resources@gmail.com).

#### SDG Elements:

Quality Education, Sustainable cities and communities



#### ABSTRACT

This study examines the role of dating applications as a modern medium of social interaction within Malaysian society. It assesses the degree to which their use aligns with digital ethics, cultural norms, and the principles of Shariah. Using a qualitative approach that includes socio-digital literature analysis and comparative review of different application types, the study outlines the distinctions between general dating apps, Muslim-oriented platforms, and community-specific applications, including their modes of interaction, intended purposes, and behavioural risks. The findings suggest that general applications often foster casual connections that can lead to unregulated social interactions. In contrast, Muslim-focused applications prioritise safety, privacy, and Shariah-compliant procedures. Applications that contradict Malaysian law, on the other hand, raise concerns regarding identity exposure, exploitation, and behaviours that conflict with societal values. The study recommends the development of usage guidelines grounded in the objectives of Shariah, including mechanisms for digital literacy that emphasise privacy, safety, and the preservation of users' dignity, particularly for adolescents and vulnerable groups. Additionally, stronger ethical education and content monitoring are necessary to reduce opportunities for manipulation and misuse. In conclusion, aligning the growth of dating application technology with Shariah principles and Malaysian cultural norms has the potential to produce a digital social ecosystem that is more balanced, safe, and respectful of societal values.



## ABSTRAK

Kajian ini meneliti peranan aplikasi temu janji sebagai medium interaksi sosial moden dalam kalangan masyarakat Malaysia serta menilai sejauh mana penggunaannya selaras dengan etika digital, norma budaya dan prinsip Syariah. Melalui pendekatan kualitatif yang merangkumi analisis literatur sosio-digital dan perbandingan jenis aplikasi, kajian ini menghimpunkan perbezaan antara aplikasi umum, aplikasi berorientasikan Muslim dan aplikasi khusus komuniti, termasuk bentuk interaksi, tujuan penggunaan serta risiko tingkah laku. Hasil kajian mendapati bahawa aplikasi umum lebih cenderung kepada hubungan santai yang membuka ruang kepada pergaulan bebas, manakala aplikasi Muslim menekankan keselamatan, privasi dan kesesuaian Syariah. Aplikasi yang bercanggah dengan undang-undang Malaysia pula menimbulkan isu pendedahan identiti, eksploitasi dan tingkah laku yang bertentangan dengan nilai masyarakat. Kajian ini mencadangkan agar garis panduan penggunaan aplikasi temu janji disusun berasaskan Maqasid Syariah, termasuk mekanisme literasi digital yang memberi penekanan kepada privasi, keselamatan dan penjagaan maruah pengguna, khususnya remaja dan golongan berisiko. Di samping itu, pendidikan etika interaksi atas talian serta pemantauan kandungan wajar diperkukuh bagi mengurangkan ruang manipulasi dan salah guna. Kesimpulannya, penyelarasan antara perkembangan teknologi temu janji dengan prinsip Syariah dan norma Malaysia berpotensi mewujudkan ekosistem sosial digital yang lebih seimbang, selamat dan menghormati nilai masyarakat.

## Pendahuluan

Media sosial kini merupakan salah satu bentuk teknologi komunikasi yang paling berpengaruh dalam kehidupan masyarakat moden (Dwivedi et al., 2020; Rosidi et al., 2022a). Ia memainkan peranan penting sebagai medium interaksi sosial yang memudahkan urusan peribadi, pendidikan, dan pekerjaan. Penggunaan media sosial melibatkan pelbagai peringkat umur, dari kanak-kanak hingga warga emas. Perkembangan pesat teknologi digital serta capaian internet tanpa sempadan telah meningkatkan kadar penggunaan media sosial dari tahun ke tahun (Dwivedi et al., 2020).

Kemajuan media sosial juga mendorong kemunculan laman web dan aplikasi temu janji dalam talian, yang berfungsi sebagai platform sosial untuk membina hubungan peribadi dan romantik (Sumter & Vandenbosch, 2018). Pada awal 1993, *Match.com*, laman web janji temu rasmi pertama, diasaskan oleh Gary Kremen dan Peng T. Ong sebelum dilancarkan pada 1995. Laman tersebut berjaya menarik lebih daripada 100,000 pengguna menjelang akhir 1996. Seiring dengan kemajuan teknologi mudah alih, laman temu janji tradisional telah berkembang menjadi aplikasi temu janji (*dating apps*) yang lebih interaktif dan mudah diakses melalui telefon pintar (Sumter & Vandenbosch 2018).

Berbeza dengan laman web temu janji terdahulu, aplikasi temu janji memendekkan jarak antara interaksi dalam talian dengan pertemuan fizikal. Berbanding platform media sosial seperti *Facebook* atau *WeChat*, aplikasi temu janji direka khusus untuk berhubung dengan individu yang tidak dikenali. Dari sudut reka bentuk, aplikasi ini boleh dibahagikan kepada dua jenis utama. Jenis pertama membenarkan pengguna memulakan perbualan melalui mesej peribadi dengan



profil yang dipaparkan dalam grid atau senarai. Jenis kedua menggunakan mekanisme isyarat dan padanan, di mana mesej hanya dihantar apabila kedua-dua pihak menunjukkan minat (Bandinelli & Gandini, 2022). *Tinder* merupakan contoh terkenal jenis kedua, memaparkan satu profil pada satu masa dan membenarkan pengguna menggeser untuk menunjukkan minat. Sesetengah aplikasi menggabungkan kedua-dua kaedah ini (Wu & Trottier, 2022).

Walaupun aplikasi temu janji menawarkan pelbagai manfaat, ia juga menimbulkan cabaran dari segi sosial, emosi, dan keselamatan pengguna (Phan, Seigfried, & Choo, 2021). Isu seperti pergaulan bebas, langganan perkhidmatan seks, pelecehan seksual, kebocoran data, dan penipuan cinta bermotifkan kewangan kini menjadi perhatian (Sinar Harian & Bernama, 2025; Rosidi et al., 2022b). Fenomena ini memberi implikasi terhadap pembentukan identiti digital dan nilai moral dalam kalangan masyarakat Muslim. Justeru, analisis ilmiah terhadap penggunaan aplikasi temu janji adalah penting untuk memastikan keseimbangan antara kemajuan teknologi dan pemeliharaan nilai Islam.

## Sorotan Literatur

### *Aplikasi Temu Janji di Malaysia: Trend, Fungsi, dan Penggunaannya*

Aplikasi temu janji merupakan perisian yang direka untuk menghubungkan pengguna berdasarkan minat, pilihan, dan keserasian mereka, sama ada untuk perhubungan romantik, pengenalan, atau hubungan santai (Sumter & Vandenbosch, 2018). Ia dimuat turun ke telefon pintar dan menggunakan algoritma yang mempertimbangkan umur, jantina, pilihan pasangan, dan jarak untuk pertemuan fizikal. Sesetengah aplikasi juga menggunakan data daripada media sosial seperti *Facebook* untuk meningkatkan padanan. Aplikasi moden memanfaatkan teknologi geo-sosial masa nyata, menjadikan pengalaman temu janji lebih dinamik dan mudah alih. Di seluruh dunia, lebih 91 juta orang menggunakan sekurang-kurangnya satu aplikasi temu janji.

Di Malaysia, penggunaan aplikasi temu janji meningkat ketara, dengan dianggarkan 7.38 juta pengguna aktif dalam sepuluh aplikasi popular (Sinar Harian, 2024). Faktor seperti rasa malu atau kurang keyakinan dalam mencari pasangan secara tradisional menyumbang kepada *trend* ini, khususnya dalam kalangan individu berumur 25–34 tahun, di mana 77.8% menggunakan platform digital (Huang & Gong, 2025). Kajian *GMO Research* (2021) melaporkan bahawa 32.4% daripada 1000 rakyat Malaysia pernah menggunakan aplikasi temu janji, dengan 47.8% masih aktif. Penggunaan tertinggi dikesan dalam kalangan dewasa muda, dengan *Tinder* sebagai aplikasi paling popular, diikuti *Dating.com*, *Tantan*, *OkCupid*, *Grindr*, *Coffee Meets Bagel*, *Paktor*, dan *Bumble* (Sumter & Vandenbosch, 2018).

Dari segi fungsi, aplikasi ini beroperasi melalui profil pengguna yang memuatkan maklumat asas seperti umur, jantina, lokasi, minat, dan gambar, serta kadangkala pendidikan, pekerjaan, dan gaya hidup (Wu & Trottier, 2022). Teknologi geolokasi memudahkan pencarian calon berdekatan. Mekanisme *swiping* menyesuaikan profil yang dipaparkan dengan keutamaan pengguna. Penilaian keserasian menggunakan skor minat, hobi, masa tindak balas, dan kekerapan mesej. Algoritma dan pembelajaran mesin membantu meningkatkan ketepatan padanan dan pengalaman temu janji peribadi.

### *Isu Etika dan Risiko Interaksi Maya melalui Aplikasi Temu Janji*

Aplikasi temu janji memudahkan interaksi sosial dan peluang mencari pasangan hidup. Ia direka untuk pengguna sibuk yang tidak dapat mencari pasangan secara tradisional, dengan algoritma meningkatkan keberkesanan interaksi romantik berdasarkan minat dan objektif



sepadan (Bandinelli & Gandini, 2022). Selain itu, kajian sistematik menunjukkan bahawa penggunaan teknologi seperti geolokasi dalam aplikasi temu janji membolehkan interaksi dengan individu berdekatan bagi tujuan persahabatan atau hubungan romantik, serta mempengaruhi pengalaman sosial dan psikososial pengguna (Castro & Barrada, 2020). Pengguna boleh mengawal identiti digital dan berkomunikasi dengan ramai individu serentak, memudahkan pencarian pasangan yang sepadan (Hobbs, Owen, & Gerber, 2017).

Namun, cabaran wujud dari segi sosial, moral, dan keselamatan (Rosidi et al., 2022). Pemalsuan identiti dilaporkan berlaku dalam 80% profil. Penipuan boleh melibatkan perubahan kecil atau *catfishing* untuk keuntungan kewangan (Nurdin, 2021). Kesannya termasuk pelecehan seksual, kebocoran data, tekanan emosi, gangguan PTSD, dan pengasingan diri. Justeru, penggunaan aplikasi temu janji menimbulkan dilema moral dan risiko keselamatan yang perlu ditangani serius.

### ***Prinsip Syariah dan Etika dalam Penggunaan Aplikasi Temu Janji di Malaysia***

Prinsip maqasid syariah yang menjadi kerangka asas analisis dalam kajian ini menekankan perlindungan agama, nyawa, akal, keturunan dan maruah sebagai teras penilaian terhadap interaksi sosial, termasuk dalam konteks aplikasi temu janji digital (Ibrahim et al., 2019; Ismail, 2024; NorizanNizan et al., 2025). Dalam konteks aplikasi temu janji, komunikasi maya harus memelihara akhlak dan kehormatan. Interaksi maya yang mengandungi niat buruk boleh menjadi haram, walaupun tiada pertemuan fizikal. Pandangan ini selari dengan perbincangan sarjana yang menegaskan bahawa interaksi digital perlu dinilai berdasarkan niat, kesan dan kesesuaiannya dengan prinsip syariah, khususnya dalam konteks aplikasi temu janji (Ahdini, Duri, & Pratiwi, 2023; Rosli et al., 2025; Mohd Azam et al., 2025). Pengguna Muslim digalakkan berinteraksi untuk tujuan syar'i, seperti ilmu, kerja, atau komunikasi rasmi (Isa, Yusoff, & Hamzah, 2021; Rosidi et al., 2021). Firman Allah SWT menekankan: "Sesungguhnya berjayalah orang-orang yang beriman, dan mereka yang menjauhkan diri daripada perbuatan dan perkataan yang sia-sia" (al-Mu'minun: 1-3).

Prinsip sadd al-dhara'i menekankan pencegahan maksiat, seperti mengelakkan mesej menggoda, panggilan suara, atau panggilan video berlebihan (Deuraseh, 2008). Hadis Nabi SAW menyebut: "Tidaklah seorang lelaki berkhalwat dengan seorang wanita kecuali syaitan adalah yang ketiga antara mereka" (HR al-Tirmizi & Ahmad), menjadikan khalwat digital perlu dielakkan. Pendekatan ini memelihara maruah dan kesejahteraan moral (Hassan & Adom, 2022).

Moral dan etika masyarakat Malaysia menekankan kejujuran, kesabaran, dan keadilan. Islam menilai tindakan berdasarkan niat dan kesesuaian dengan hukum Allah. Larangan percampuran bebas bertujuan menjaga kehormatan dan aurat (Hazim & Nazari, 2023), sementara penyimpangan nilai budaya menjejaskan kesejahteraan emosi dan psikologi.

Dalam konteks digital, etika menekankan tanggungjawab moral pengguna, termasuk kejujuran profil dan penghormatan privasi. Penipuan identiti atau eksploitasi emosi dianggap pelanggaran moral dan sosial (De Liema, 2021). Teori Kehadiran Sosial menjelaskan bagaimana pengguna membina hubungan emosi walaupun tanpa interaksi fizikal, melalui mesej, gambar, atau panggilan video (Short, Williams, & Christie, 1976). Kombinasi kedua-dua teori membolehkan analisis keseimbangan antara pengalaman sosial maya positif dan kepatuhan etika digital (Kross et al, 2020).

Dalam konteks LGBT di Malaysia, aplikasi temu janji seperti Grindr dan Hornet membolehkan interaksi maya walaupun masyarakat secara umumnya bersifat konservatif (Pym, Byron, & Albury, 2020; Rosidi, 2024). Namun, penggunaan aplikasi tersebut tetap mendedahkan



pengguna kepada risiko privasi yang tinggi, khususnya berkaitan pendedahan lokasi dan identiti peribadi. Risiko ini bukan sahaja menimbulkan kebimbangan keselamatan digital, malah dari perspektif etika dan Syariah, ia berkait rapat dengan kewajipan menjaga maruah, keselamatan diri dan mengelakkan kemudaratan dalam interaksi sosial (Hoang, Asano, & Yoshikawa, 2016). Fenomena ini seterusnya menimbulkan cabaran etika, moral serta perundangan dalam konteks masyarakat Islam di Malaysia, khususnya berkaitan aspek penguatkuasaan jenayah syariah terhadap interaksi digital berisiko dalam talian (Batri et al., 2016; Kamaruzaman et al., 2024).

## Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif, menekankan analisis kandungan dan penilaian kritikal literatur sedia ada serta dapatan empirikal mengenai penggunaan aplikasi temu janji di Malaysia. Tinjauan literatur meliputi definisi aplikasi temu janji, trend penggunaan di Malaysia, dan isu sosial, moral, serta keselamatan. Fokus turut diberikan kepada fenomena komuniti *LGBT*, yang menggunakan aplikasi seperti *Grindr* dan *Hornet* untuk berinteraksi dalam konteks konservatif Malaysia (Licoppe, Rivière, & Morel, 2016).

Kerangka analisis menggabungkan prinsip maqasid syariah (perlindungan agama, nyawa, akal, keturunan, maruah) dan sabb al-dhara'i (pencegahan maksiat) dengan teori moden seperti Etika Digital dan Teori Kehadiran Sosial. Pendekatan ini membolehkan penilaian interaksi maya dari perspektif Islam dan etika, serta merumuskan parameter penggunaan selaras nilai tempatan. Kajian menumpukan analisis terhadap tiga kategori pengguna utama: kasual, menggoda, dan manipulatif, yang menjadi asas perumusan parameter penggunaan.

## Dapatan Dan Perbincangan

### *Analisis Perbandingan Penggunaan Aplikasi Temu Janji dan Implikasi Sosial-Syariah di Malaysia*

Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan aplikasi temu janji dalam kalangan masyarakat Malaysia bergerak seiring dengan trend global yang memperlihatkan perubahan ketara dalam cara manusia berinteraksi secara sosial dan romantik. Aplikasi temu janji umum seperti *Tinder*, *Bumble*, *Omi*, *Dating.com*, *Tantan*, *Coffee Meets Bagel (CMB)*, *Paktor* dan *OkCupid* didapati digunakan bagi pelbagai tujuan sosial dan interpersonal. Pengguna memanfaatkan aplikasi ini bukan sahaja untuk hubungan santai atau sementara, tetapi juga untuk mencari pasangan jangka panjang, memperluas rangkaian sosial, berhibur, dan berkomunikasi dalam bentuk santai, yang menegaskan bahawa evolusi ruang sosial digital telah membentuk semula konsep interaksi moden berasaskan algoritma padanan, keserasian minat dan kemudahan komunikasi tanpa kehadiran fizikal (Sumter & Vandenbosch, 2018).

*Tinder* misalnya, walaupun sering dilabel sebagai aplikasi berorientasikan hubungan kasual, turut menampilkan sebahagian pengguna yang serius dalam pencarian pasangan hidup. Penemuan kajian ini mengukuhkan dapatan Müller (2022), yang menyatakan bahawa *Tinder* tidak lagi terbatas kepada budaya "*hookup*" tetapi juga digunakan sebagai platform yang membawa kepada hubungan jangka panjang dan perkahwinan. Analisis terhadap laporan media tempatan turut menunjukkan trend yang sama, antaranya artikel "*3 Married Couples Who Were 'Swiped' Off Their Feet*" yang memaparkan kisah pasangan Malaysia yang bertemu di *Tinder* sebelum berkahwin. Laporan daripada *MStar*, *IRL* dan *World of Buzz* turut menambah bukti bahawa sebahagian pengguna berjaya mengubah interaksi awal melalui aplikasi menjadi hubungan sah



di dunia nyata. Hal ini memperkuat perspektif mengenai peningkatan fenomena perkahwinan digital yang lahir daripada pertemuan dalam talian .

Selain aplikasi umum, dapatan kajian ini turut mengesahkan penggunaan aplikasi khusus komuniti LGBT seperti *Grindr* dan *Hornet* sebagai ruang alternatif untuk mengekspresikan identiti dan membina hubungan sosial. Namun, dapatan ini juga menunjukkan bahawa penggunaan aplikasi tersebut mendedahkan pengguna kepada risiko privasi dan keselamatan digital yang signifikan, khususnya berkaitan pendedahan identiti dan lokasi, selari dengan penemuan kajian terdahulu (Hoang, Asano, & Yoshikawa, 2016; Kamaruzaman et al., 2024). Dalam kajian ini, dapatan menunjukkan bahawa aplikasi tersebut digunakan untuk mengurangkan stigma, membina komuniti, dan meneroka identiti seksual dalam persekitaran yang dianggap lebih selamat. Namun, dapatan turut menunjukkan wujudnya risiko signifikan seperti pendedahan identiti, *ghosting*, pemerasan, manipulasi emosi dan ancaman keselamatan, yang menekankan kerentanan psikologi pengguna dalam interaksi digital berisiko tinggi (Whitty & Buchanan, 2016).

Dalam masa yang sama, peningkatan penggunaan aplikasi Muslim seperti *Muzz*, *Salams* dan *SingleMuslim* menonjolkan usaha untuk mengekalkan nilai syariah dalam pencarian jodoh secara digital. Aplikasi ini direka bentuk dengan mekanisme yang mematuhi prinsip agama seperti pengesahan identiti, pilihan melibatkan wali, penapisan gambar, dan mod privasi yang lebih ketat (Isa et al, 2021; Hassan & Adom, 2022). Dapatan kajian menunjukkan bahawa ciri-ciri ini membantu pengguna mengekalkan batas interaksi, memelihara adab dan memastikan proses pencarian pasangan lebih berfokus kepada perkahwinan.

Secara keseluruhan, dapatan ini mengesahkan bahawa aplikasi temu janji bukan fenomena tunggal atau homogen, tetapi terdiri daripada pelbagai fungsi yang berkhidmat kepada keperluan sosial berbeza daripada hubungan kasual kepada pencarian jodoh, daripada penyokong komuniti minoriti kepada medium interaksi mematuhi syariah. Data kajian mencerminkan realiti masyarakat Malaysia yang sedang berusaha menyesuaikan diri dengan perubahan digital sambil mengekalkan keseimbangan antara keperluan sosial moden, etika digital dan nilai agama.

### ***Cadangan Reformasi Perundangan dan Garis Panduan Etika bagi Aplikasi Temu Janji di Malaysia***

Perbincangan kajian ini menunjukkan bahawa fenomena penggunaan aplikasi temu janji di Malaysia menggambarkan hubungan yang kompleks antara perkembangan teknologi, budaya setempat dan tuntutan moral masyarakat. Seiring dapatan global, aplikasi umum seperti *Tinder* atau *Bumble* kini berperanan sebagai ruang baharu bagi generasi muda untuk berinteraksi dan membina hubungan. Kisah pasangan Malaysia yang berkenalan melalui *Tinder* dan kemudiannya berkahwin membuktikan bahawa teknologi mampu memberi kesan positif terhadap pembinaan institusi keluarga apabila digunakan dengan cara yang beradab serta mempunyai tujuan yang jelas. Dalam konteks ini, aplikasi temu janji tidak lagi wajar dianggap sebagai ancaman kepada nilai kekeluargaan, sebaliknya sebagai medium moden yang perlu dikawal melalui etika agar seiring dengan norma tempatan.

Namun begitu, penggunaan aplikasi umum turut menimbulkan risiko penyimpangan moral seperti hubungan intim tanpa komitmen, tingkah laku provokatif serta penipuan identiti, sebagaimana sering diperkatakan dalam literatur etika digital. Prinsip etika Islam menegaskan bahawa interaksi maya seharusnya dipandu oleh adab, niat yang baik dan kejelasan matlamat. Komunikasi melalui aplikasi tidak boleh membuka ruang kepada khalwat digital, rangsangan seksual ataupun perbuahan melalaikan yang boleh menjejaskan maruah serta kehormatan diri seseorang.



Sebaliknya, penggunaan aplikasi berasaskan prinsip Islam seperti *Muzz*, *Salams* dan *SingleMuslim* menunjukkan usaha yang lebih serius untuk menggabungkan teknologi dengan tuntutan syariah. Ciri-ciri keselamatan seperti penglibatan wali, penapisan kandungan sensitif serta penekanan kepada tujuan perkahwinan selaras dengan maqasid syariah, khususnya hifz al-nasl dan hifz al-'ird. Aplikasi sebegini turut menerapkan prinsip sadd al-dharā'i dengan mengehadkan ruang kepada tingkah laku tidak bermoral melalui bentuk interaksi yang lebih formal, terkawal dan beretika. Pemerkasaan aplikasi Muslim membuktikan bahawa teknologi boleh digerakkan ke arah yang lebih bersesuaian dengan keperluan masyarakat Islam tanpa mengabaikan nilai syariah.

### *Cadangan Spesifik bagi Kerangka Perundangan dan Etika Digital*

Berdasarkan analisis penggunaan aplikasi temu janji di Malaysia, kajian ini mencadangkan beberapa langkah reformasi yang boleh diambil oleh pihak kerajaan, pembangun aplikasi serta masyarakat:

Pertama, pada peringkat kerajaan dan agensi pengawalseliaan, wajar diwujudkan Garis Panduan Penggunaan Aplikasi Temu Janji Beretika yang digubal secara bersama oleh Kementerian Komunikasi dan Digital Malaysia serta Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Garis panduan ini hendaklah merangkumi: (1) kewajipan pengesahan identiti menggunakan MyKad atau dokumen rasmi bagi pengguna warganegara; (2) mekanisme aduan dan pemantauan kandungan yang cekap dan telus; (3) pendidikan pengguna berkaitan risiko penipuan, perlindungan data peribadi serta etika komunikasi digital; dan (4) pensijilan aplikasi 'halal' atau 'Mesra Muslim' bagi platform yang mematuhi prinsip syariah seperti penglibatan wali dalam komunikasi serius serta sistem penapisan gambar yang mematuhi etika aurat. Kerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) turut diperlukan bagi memastikan setiap aplikasi mematuhi Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 serta Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

Kedua, pada peringkat pembangun aplikasi dan penyedia platform, mereka digalakkan mereka bentuk ciri keselamatan dan etika yang lebih kukuh. Bagi aplikasi umum, ciri seperti pengesahan dua faktor, lapisan privasi tambahan (seperti menyembunyikan lokasi sebenar dan larangan tangkap layar), serta sistem amaran automatik untuk mesej berunsur lucah atau ugutan wajar dilaksanakan. Bagi aplikasi Muslim, penambahbaikan boleh difokuskan pada integrasi dengan sistem seperti e-Syariah bagi memudahkan pengesahan status perkahwinan, selain mewujudkan mod wali yang membolehkan wali memantau interaksi tanpa perlu terlibat secara langsung. Pembangun juga digalakkan menjalankan audit etika secara berkala bagi memastikan algoritma padanan tidak mempromosikan hubungan songsang atau eksploitasi pengguna.

Ketiga, pada peringkat komuniti dan pendidikan, usaha pendidikan berterusan perlu digiatkan. Institusi seperti sekolah dan universiti boleh memasukkan modul Literasi Digital dan Etika Media Sosial ke dalam silibus, termasuk topik berkaitan penggunaan aplikasi temu janji secara selamat dan beretika. Badan bukan kerajaan (NGO) Islam dan organisasi komuniti boleh menganjurkan kempen kesedaran mengenai maqasid syariah dalam interaksi digital, menekankan kepentingan menjaga maruah (hifz al-'ird) dan menjaga keturunan (hifz al-nasl) dalam penggunaan platform sosial. Pendidikan ini penting khususnya bagi remaja dan golongan belia yang lebih terdedah kepada risiko eksploitasi.



Dengan pelaksanaan cadangan-cadangan ini, diharapkan bahawa ekosistem digital negara dapat berkembang secara seimbang, mengambil manfaat daripada teknologi tanpa mengorbankan nilai asas masyarakat. Pendekatan menyeluruh yang melibatkan kerajaan, industri dan masyarakat ini juga berpotensi menjadi model rujukan bagi negara-negara Islam lain yang berdepan cabaran serupa.

Walau bagaimanapun, dapatan berkaitan penggunaan aplikasi *LGBT* memerlukan penilaian tegas dari perspektif syariah. Meskipun literatur sosiologi menunjukkan bahawa aplikasi tersebut berfungsi sebagai ruang ekspresi identiti bagi komuniti *LGBT*, perspektif Islam menetapkan bahawa hubungan sejenis adalah dilarang secara mutlak (Rosidi et al., 2025). Al-Quran menggambarkan perbuatan tersebut sebagai *fāhishah* melalui kisah Kaum Nabi Luth (al-A'raf: 80–81), dan para ulama sepakat bahawa amalan itu merosakkan maruah serta bertentangan dengan fitrah kejadian manusia. Dari sudut maqasid syariah, hubungan sejenis menjejaskan *hifz al-nasl* kerana ia menafikan kesinambungan keturunan, selain bertentangan dengan *hifz al-'ird* yang menekankan pemeliharaan maruah. Prinsip *sadd al-dharā'i* turut menjelaskan bahawa apa-apa medium yang secara langsung membawa kepada perbuatan haram termasuk aplikasi temu janji *LGBT* wajib dielakkan kerana ia membuka jalan kepada maksiat dan menjejaskan struktur keluarga. Dalam konteks Malaysia, norma sosial majoriti, undang-undang syariah negeri serta Seksyen 377A Kanun Keseksaan juga menegaskan bahawa amalan sejenis adalah dilarang dari sudut moral, agama dan perundangan. Rajah 1 memaparkan perbandingan antara aplikasi umum, Muslim/halal, dan *LGBT* dari segi tujuan, interaksi, risiko, dan keserasian dengan etika serta syariah.

| KATEGORI APLIKASI     | CONTOH APLIKASI                                   | TUJUAN GUNAAN UTAMA                            | CORAK INTERAKSI PENGGUNA                        | RISIKO DAN ISU UTAMA                                  | KESERASIAN ETIKA, SYARIAH, NORMA MALAYSIA              |
|-----------------------|---------------------------------------------------|------------------------------------------------|-------------------------------------------------|-------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------|
| APLIKASI UMUM         | Tinder, Bumble, Omi, Tantan, Paktor, CMB, OkCupid | Hubungan romantik, sosial, hiburan, networking | Interaksi santai, swipe based, perbualan kasual | Profil palsu, hubungan tanpa komitmen, risiko seksual | Neutral tetapi berisiko, mudah berlaku pergaulan bebas |
| APLIKASI MUSLIM/HALAL | Muzz, Salams, SingleMuslim                        | Pencarian jodoh, perkahwinan                   | Profil disahkan, melibatkan wali, privasi ketat | Risikosalah guna, manipulasi                          | Selaras dengan syariah, menepati maqasid keluarga      |
| APLIKASI LGBT         | Grindr, Hornet                                    | Hubungan sejenis, komuniti                     | Chat pantas, hubungan pantas                    | Pemerasan, pendedahan identiti, eksploitasi           | Tidak dibenarkan syariah dan undang-undang Malaysia    |

Rajah 1: Parameter Penggunaan Aplikasi Temu Janji di Malaysia



Berdasarkan dapatan kajian, penggunaan aplikasi temu janji di Malaysia boleh dikategorikan mengikut jenis aplikasi, tujuan penggunaan, corak interaksi, risiko utama, serta keserasian dengan etika, syariah, dan norma tempatan. Rajah di bawah memperlihatkan parameter penggunaan aplikasi temu janji bagi pelbagai kategori pengguna, termasuk aplikasi umum, aplikasi Muslim/halal, dan aplikasi komuniti *LGBT*, bagi memudahkan pemahaman tentang potensi manfaat dan risiko setiap jenis aplikasi.

## Kesimpulan

Kajian ini menunjukkan bahawa aplikasi temu janji di Malaysia mencerminkan interaksi yang kompleks antara teknologi, budaya tempatan dan nilai moral masyarakat. Aplikasi umum seperti *Tinder*, *Bumble* dan *CMB* menyediakan peluang untuk berinteraksi secara sosial dan romantik dengan pantas, namun penggunaan tanpa kawalan boleh membawa risiko seperti hubungan tanpa komitmen, kewujudan profil palsu serta pergaulan bebas. Kajian mendapati bahawa walaupun terdapat pengguna yang berjaya membina hubungan sah melalui platform ini, majoriti pengguna tetap terdedah kepada pelbagai bentuk eksploitasi digital yang boleh menjejaskan kesejahteraan psikologi dan sosial mereka. Oleh itu, kesedaran tentang risiko moral dan keselamatan digital amat penting, khususnya dalam kalangan remaja dan dewasa muda yang merupakan kumpulan pengguna terbesar aplikasi tersebut.

Sebaliknya, aplikasi Muslim atau halal seperti *Muzz*, *Salams* dan *SingleMuslim* membuktikan bahawa teknologi dapat digabungkan secara harmoni dengan prinsip syariah. Dengan ciri-ciri seperti pengesahan profil, penglibatan wali serta kawalan privasi yang ketat, pengguna mampu mengekalkan adab, meminimumkan risiko penyalahgunaan dan memastikan pencarian pasangan berjalan selaras dengan nilai agama dan budaya tempatan. Platform sedemikian berfungsi sebagai penapis budaya yang signifikan dalam era digital, menyediakan alternatif yang lebih selamat dan beretika bagi masyarakat Muslim yang ingin memanfaatkan teknologi tanpa mengabaikan prinsip agama. Kejayaan aplikasi Muslim jelas menunjukkan bahawa inovasi digital tidak semestinya bercanggah dengan nilai tradisional, bahkan dapat diperkuat untuk memelihara identiti keagamaan.

Penggunaan aplikasi komuniti *LGBT* seperti *Grindr* dan *Hornet* pula menimbulkan cabaran yang lebih kompleks dari sudut moral, etika dan perundangan. Walaupun aplikasi tersebut menyediakan ruang untuk mengekspresikan identiti dan membina komuniti dalam persekitaran yang lebih tertutup, risiko seperti pendedahan identiti, pemerasan serta manipulasi emosi tetap tinggi. Dari perspektif syariah dan norma masyarakat Malaysia yang majoritinya Muslim, penggunaan platform sedemikian tidak selaras dengan nilai agama dan sosial yang diterima umum. Kajian ini menegaskan bahawa pendekatan pencegahan menerusi pendidikan dan kesedaran lebih berkesan berbanding pengharaman semata-mata, di samping mengekalkan ketegasan terhadap perlaksanaan undang-undang sedia ada yang berkaitan dengan aktiviti yang dilarang.

## Implikasi dan Sumbangan Kajian

Kajian ini memberikan tiga sumbangan utama kepada bidang pengetahuan serta pembangunan polisi. Pertama, dari sudut akademik, kajian berjaya menggabungkan kerangka *maqasid syariah* dan prinsip *sadd al-dharā'i* dengan teori etika digital kontemporari, sekali gus menawarkan perspektif menyeluruh untuk menganalisis fenomena teknologi baharu dalam konteks masyarakat Muslim. Kedua, dari sudut praktikal, kajian ini mengemukakan cadangan



husus yang boleh dilaksanakan oleh pelbagai pihak berkepentingan termasuk kerajaan, pembangun aplikasi, institusi pendidikan serta komuniti bagi mewujudkan ekosistem digital yang lebih selamat dan beretika. Ketiga, kajian ini dapat dijadikan asas bagi penyelidikan masa hadapan berkaitan kesan jangka panjang penggunaan aplikasi temu janji terhadap struktur keluarga, kesejahteraan mental dan kohesi sosial dalam konteks Malaysia.

### ***Batasan dan Cadangan Kajian Masa Hadapan***

Kajian ini diakui mempunyai beberapa batasan tertentu. Pendekatan kualitatif yang digunakan, walaupun memberikan pemahaman terperinci terhadap isu, tidak dapat mengukur secara kuantitatif prevalensi jenis penggunaan atau kesan psikologi yang lebih spesifik. Data statistik yang digunakan kebanyakannya bersumberkan laporan sekunder dan mungkin tidak mencerminkan perkembangan yang paling terkini. Oleh itu, kajian masa hadapan dicadangkan untuk: (1) melaksanakan kajian kuantitatif berskala besar bagi menilai taburan dan pola penggunaan aplikasi temu janji merentasi demografi di Malaysia; (2) menilai keberkesanan program intervensi serta pendidikan digital yang sudah dijalankan dan (3) mengkaji perkembangan teknologi baharu seperti penggunaan kecerdasan buatan (AI) dalam algoritma padanan serta implikasinya terhadap privasi dan autonomi pengguna.

Secara keseluruhan, keberkesanan aplikasi temu janji tidak hanya bergantung kepada kecanggihan teknologi, tetapi juga kepada niat, adab dan disiplin pengguna, serta kerangka perundangan dan sosial yang mengawal penggunaannya secara bertanggungjawab. Dengan memahami tujuan penggunaan, corak interaksi dan risiko yang wujud, masyarakat Malaysia dapat mengarah perkembangan teknologi ke laluan yang lebih seimbang mengambil manfaat daripada kemudahan digital sambil mengekalkan nilai moral yang menjadi teras identiti negara. Kajian ini berharap agar perbincangan akademik dan sosial tentang aplikasi temu janji dapat diteruskan secara konstruktif, dengan fokus kepada pembinaan ketahanan digital masyarakat yang selari dengan aspirasi Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang maju.

### **Rujukan**

- Ahdini, A., Duri, C., & Pratiwi, S. (2023). Perspektif Islam Terhadap Aplikasi Kencan: Menyeimbangkan Teknologi Modern Dengan Nilai Budaya. *Bayani*, 3(2), 99-112. <https://doi.org/10.52496/bayaniv.3i.2pp99-112>
- Bandinelli, C., & Gandini, A. (2022). Dating Apps: The Uncertainty of Marketised Love. *Cultural Sociology*, 16, 423–441. <https://doi.org/10.1177/17499755211051559>
- Batri, N. M., Mohd Yusof, F., Muhamad, S. N., Hassan, A. M., Ripin, M. N., & Haron, Z. (2016). Homoseksual: Antara Hukum dan Kemajuan Sains. *Sains Humanika*, 8(4). <https://doi.org/10.11113/sh.v8n4.1033>
- Castro, Á., & Barrada, J. (2020). Dating Apps and Their Sociodemographic and Psychosocial Correlates: A Systematic Review. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 17(18), 6500. <https://doi.org/10.3390/ijerph17186500>
- Deuraseh, N. (2008). Protection Against STDs: An Islamic Criminal Law Approach. *Arab Law Quarterly*, 22, 88–108. <https://doi.org/10.1163/026805508x286785>
- Dwivedi, Y., Ismagilova, E., Hughes, D., Carlson, J., Filieri, R., Jacobson, J., Jain, V., Karjaluoto, H., Kefi, H., Krishen, A., Kumar, V., Rahman, M., Raman, R., Rauschnabel, P., Rowley, J., Salo, J., Tran, G., & Wang, Y. (2020). Setting the future of digital and social media marketing



- research: Perspectives and research propositions. *International Journal of Information Management*, 59, 102168. <https://doi.org/10.1016/j.ijinfomgt.2020.102168>
- Hassan, W., & Adom, L. (2022). Sadd al-Dhara'i' in crime prevention. *IJARBSS*. <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v12-i4/13084>
- Hoang, N. P., Asano, Y., & Yoshikawa, M. (2016, January). Your neighbors are my spies: Location and other privacy concerns in dating apps. In *2016 18th International Conference on Advanced Communication Technology (ICACT)* (pp. 715-721). IEEE.
- Hobbs, M., Owen, S., & Gerber, L. (2017). Liquid love? Dating apps, sex, relationships and the digital transformation of intimacy. *Journal of Sociology*, 53, 271–284. <https://doi.org/10.1177/1440783316662718>
- Huang, Y., & Gong, A. (2025). Too vulnerable to resist: Problematic use of dating apps associated with social appearance anxiety, social interaction anxiety, and rejection sensitivity. *Computers in Human Behavior*, 165, 108566. <https://doi.org/10.1016/j.chb.2025.108566>
- Ibrahim, A. H., Rahman, N. N. A., Saifuddeen, S. M., & Baharuddin, M. (2019). Maqasid al-Shariah based Islamic bioethics: A comprehensive approach. *Journal of bioethical inquiry*, 16(3), 333–345. <https://doi.org/10.1007/s11673-019-09902-8>
- Isa, A. S. B. Md., Yusoff, K. B., & Hamzah, H. B. (2021). Maqasid Syariah & spiritual control in social media use. *Journal of Fatwa Management and Research*, 26(2), 323–333. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol26no2.418>
- Ismail, A. M, Subri, I. M., Baharuddin, A. S., Ab. Rahman, A. & Rosidi, M. H. (2024). The Role of Maqasid Al-Shariah in Contemporary Fatwa Formulation: A Balanced Approach. *Al-Qanatr International Journal of Islamic Studies*, 33(7), 1-28.
- Kamaruzaman, N. A. F., Abdulah, N. A., Mutalib, M. A., Hazram, N. A., & Sukari, A. (2024). Penguatkuasaan Jenayah Syariah Terhadap Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender (LGBT) Dalam Talian Di Malaysia: Analisis Tinjauan Literatur Sistematis: The Enforcement of Islamic Criminal Offences Related to Lesbian, Gay, Bisexual and Transgender (LGBT) LGBT Online in Malaysia: A Systematic Literature Review Analysis. *Journal of Muwafaqat*, 7(2), 56-68. <https://doi.org/10.53840/muwafaqat.v7i2.182>
- Kross, E. et al. (2020). Social media and well-being. *Trends in Cognitive Sciences*, 25, 55–66. <https://doi.org/10.1016/j.tics.2020.10.005>
- Megat Danuwa, M. M., Mohamad Dom, M. H. H., Ahmad Fuad A. A. Z. & Rosidi, M. H. (2025). Assessing the legality of heterosexual marriage among LGBT individuals: An analysis from the perspective of Maqasid al-Shariah. *International Journal of Research and Innovation in Social Science*, IX(VII), 1797–1809.
- Mohd Azam, M. D. I., Ahmad, M. I. A., & Rosidi, M. H. (2025). The disclosure of a spouse's disgrace before and after divorce: A Maqasid al-Shariah-based legal analysis of the 'spill the tea' and 'exposing ex' phenomenon. *International Journal of Research and Innovation in Social Science*, 9(6), 5200–5206.
- Nurdin, R. (2021). False Identity dalam Online Dating Tinder. *JEHSS*, 3, 1011–1022. <https://doi.org/10.34007/jehss.v3i3.493>
- Phan, A., Seigfried, K., & Choo, K.-K. R. (2021). Dating app risks. *Computers in Human Behavior Reports*, 3, 100055. <https://doi.org/10.1016/j.chbr.2021.100055>
- Pym, T., Byron, P., & Albury, K. (2020). Queer community on dating apps. *International Journal of Cultural Studies*, 24, 398–413. <https://doi.org/10.1177/1367877920959332>



- Rosidi, M. H. (2024). Facilitating Access to Art and Pre-exposure Prophylaxis for LGBTQ Individuals in Combating HIV in Malaysia: An Analysis from a Shariah Perspective. *International Journal of Research and Innovation in Social Science (IJRISS)*, VIII(VIII), 4191-4202.
- Rosidi, M. H., Ismail, A. M., & Mokhtar, A. W. (2025). Analisis Pelaksanaan ART Dan PrEP Dalam Membendung HIV: Perspektif Syariah: Analysing the Implementation of ART and PrEP in Combatting HIV: A Shariah Perspective. *Journal of Fatwa Management and Research*, 30(1), 174–198.
- Rosidi, M. H., Mokhtar, A. W., & Abdul Majid, M. N. (2021). The Impact Of Social Media On The Acceptance Of Fatwas Among Malaysian Muslims. *Journal of Fatwa Management and Research*, 26(1), 17–36.
- Rosidi, M. H., Mokhtar, A. W., & Abdul Majid, M. N. (2022). Penggunaan Media Dalam Talian Menurut Perspektif Maqāṣid Al-Shari’ah. *Journal of Fatwa Management and Research*, 27(3), 78–105.
- Rosidi, M. H., Mokhtar, A. W., & Abdul Majid, M. N. (2022). The Role of Maqasid Al-Shari’ah as a Fundamental Ethics in Social Media Use. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(4), 1285-1301.
- Rosli, F. S., Zahari, N. N., Faizolakhman, N. I., & Rosidi, M. H. (2025). The influence of social media on marital conflict: An analytical study through the lens of Maqasid Al-Shariah in preserving family stability and dignity. *International Journal of Research and Innovation in Social Science*, 9(7), 598–608.
- Short, J., Williams, E., & Christie, B. (1976). *The Social Psychology of Telecommunications*. John Wiley & Sons.
- Sinar Harian. (2024, Jun 28). Padah sudah kahwin, gila aplikasi cinta.
- Sinar Harian. (2025, Mac 20). Penuntut IPTS samun, pukul kenalan aplikasi janji temu.
- Sumter, S., & Vandenbosch, L. (2018). Dating gone mobile: Demographic and personality-based correlates of using smartphone-based dating applications among emerging adults. *New Media & Society*, 21, 655–673. <https://doi.org/10.1177/1461444818804773>
- Whitty, M., & Buchanan, T. (2016). Romance scam psychological impact. *Criminology & Criminal Justice*, 16(2). <https://doi.org/10.1177/1748895815603773>
- Wu, S., & Trottier, D. (2022). Dating apps: a literature review. *Sociology Compass*, 16(2). <https://doi.org/10.1111/soc4.12951>

\* Disclaimer: Facts and opinions in all articles published on Al-MAQASID Journal are solely the personal statements of respective authors. Authors are responsible for all contents in their article(s) including accuracy of the facts, statements, citing resources, and so on. Al-MAQASID Journal disclaims any liability of violations of other parties' rights, or any damage incurred as a consequence to use or apply any of the contents of this journal.